

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JKA 216 – Paradigma dan Teori Sosial

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA PULUH SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan di Bahagian A. Gunakan borang OMR untuk menjawab soalan Bahagian A. Jawab SATU soalan di Bahagian B. Gunakan ruang jawapan yang disediakan untuk menjawab soalan ini.

Jangan ceraikan kertas soalan ini. Serahkan keseluruhan kertas soalan ini dan borang OMR. Calon yang gagal mematuhi arahan ini akan diberi '0' markah.

BAHAGIAN A (80 markah)

Soalan 1 - 15 ialah jenis Benar/Tidak Benar. Setiap soalan yang dijawab dengan betul diberikan 1 markah, manakala SETIAP SOALAN YANG SALAH DITOLAK 1 MARKAH.

1. Semua teori sosial moden mengandaikan bahawa semua masyarakat manusia terdiri di atas struktur yang terkawal oleh hukum tabii.
 - A. Benar
 - B. Tidak Benar
2. Positivisme ialah kaedah sosiologi moden yang mendukung fahaman bahawa semua masyarakat manusia boleh dirancang secara terkawal supaya timbul unsur yang baik dan positif.
 - A. Benar
 - B. Tidak Benar
3. Istilah “fungsi” dalam penggunaan sosiologi dan antropologi moden bermaksudkan jalinan hubungan antara individu dalam semua masyarakat yang ditetapkan mengikut keperluan masyarakat mencapai keseimbangan.
 - A. Benar
 - B. Tidak Benar
4. Antara isu teori dan dilema penelitian dalam pembentukan teori sosial moden ialah persoalan kaitan antara tindakan manusia dan struktur sosial dan hubungan antara keduanya.
 - A. Benar
 - B. Tidak Benar
5. Struktur sosial adalah “kenyataan sosial” yang ujud bebas dari tindakan individu, mengikut teori struktur-fungsi.
 - A. Benar
 - B. Tidak Benar
6. Teori sosial moden berunsur fungsional berkembang berlandaskan andaian dan penetapan yang diolah oleh **aliran radikal** ekoran dari perkembangan perdebatan sosial berikutan revolusi Perancis.
 - A. Benar
 - B. Tidak Benar
7. Teori sosial moden berunsur fungsional berkembang berlandaskan andaian dan penetapan yang diolah oleh **aliran konservatif** ekoran dari perkembangan perdebatan sosial berikutan revolusi Perancis.
 - A. Benar
 - B. Tidak Benar

13. Pilih pernyataan yang benar :

- A. kesepaduan (cohesion) mengikut paradigma fungsional di dalam masyarakat kompleks berasaskan pembahagian buruh.
- B. Mengikut teori fungsional keseimbangan adalah keadaan struktur sosial yang ujud bebas dari tindakan individu.
- C. mengikut paradigma fungsional, norma, nilai, peranan adalah asas pada kewujudan masyarakat.
- D. B dan C.
- E. A dan C.

14. Pilih pernyataan yang benar:

- A. Andaian asas dalam pembentukan teori dan kaedah bagi semua paradigma sosial moden ialah bahawa tindakan sosial dan struktur tingkah laku manusia tersusun mengikut hukum saintifik .
- B. Semua paradigma moden adalah penulisan semula teori-teori klasik.
- C. Penerangan dalam semua paradigma moden berasaskan kaedah saintifik .
- D. Isu-isu dan soalan-soalan mengenai punca, perubahan dan penerusan struktur sosial hanya mula diselidiki dan diketengahkan sebagai tema penyelidikan sosiologi dan antropologi moden selepas Perang Dunia Kedua bertujuan mentafsir sebab-musabab kemunculan gejala dan masalah sosial akibat peperangan dunia.
- E. A, B dan C.

15. Pilih pernyataan yang benar:

- A. Perkembangan sosiologi di Amerika Syarikat dipengaruhi secara langsung oleh sosiologi klasik Perancis, Jerman dan England.
- B. Teori sosial moden kebanyakannya diusahakan oleh ahli teori sosial dari Amerika dan England.
- C. Semua teori sosial moden memberi penjelasan tentang perubahan masyarakat barat akibat dari revolusi Perancis.
- D. A dan B.
- E. A, B dan C.

16. Pilih pernyataan yang benar:

- A. Sosiologi dan Antropologi ialah bidang sains kemasyarakatan yang menerokai jalan mencipta teori yang boleh menerangkan fenomena masyarakat berdasarkan alasan yang empirik.
- B. Sosiologi dan antropologi moden adalah disiplin dalam sains sosial yang mempunyai teori yang cukup dan setara dengan disiplin sains lain untuk menerangkan segala yang bersabit masyarakat.
- C. Sosiologi dan antropologi boleh meramal dan menerangkan perjalanan dan perubahan sosial dengan teori-teori yang ada sekarang.
- D. A dan B.
- E. B dan C.

17. Pilih pernyataan yang benar:

- A. Andaian utama dalam paradigma fungsional ialah bahawa perubahan pada struktur masyarakat hanya berlaku perlahan, kumulatif (commulative) dan mengikut tahap-tahap hasil dari kepimpinan individu yang berwibawa.
- B. Paradigma tingkah laku asaskan analisis pada tindak balas individu dalam suasana interaksi yang tertekan.
- C. Paradigma tingkah laku adalah lanjutan dari pemikiran sosial klasik Max Weber.
- D. A dan C.
- E. A, B dan C.

18. Pilih pernyataan yang benar:

- A. Menurut pendekatan teori pertukaran sosial, organisasi moden memerlukan kewibawaan birokrasi untuk mengekalkan sistem kerasionalan dan kecekapan dalam proses-proses hubungan.
- B. Paradigma Tukaran sosial adalah salah satu pecahan kecil teori fungsional
- C. Semua perhubungan antara manusia adalah pertukaran sosial mengikut paradigma pertukaran sosial.
- D. A dan C.
- E. A, B dan C.

19. Pilih pernyataan yang benar:

- A. Teori-teori sosial moden timbul sebagai tindak balas kepada teori-teori sosial klasik yang melihat arus perubahan masyarakat manusia dengan pendekatan yang pesimistik.
- B. Teori sosial moden telah berjaya menerangkan semua gejala sosial kesan perindustrian dan perbandaran.
- C. Teori sosial moden adalah lanjutan teori klasik dalam kaedah dan falsafah.
- D. A dan B.
- E. B dan C.

20. Pilih pernyataan yang benar:

- A. Penjelasan fungsional telah dikritik sebagai terlalu am dan makroskopik dan oleh itu ia tidak dapat menjelaskan fenomena di peringkat hubungan antara individu secara lengkap.
- B. Penjelasan semua teori sosial moden adalah saintifik kerana berlandaskan dalil eksperimentasi.
- C. Asas penjelasan semua teori sosial moden adalah serupa dengan penjelasan bercorak tafsiran.
- D. A dan B.
- E. A dan C.

21. Pilih satu pernyataan yang benar:

- A. Paradigma dalam penggunaan Sosiologi dan Antropolgi ialah satu set andaian yang membentuk cara/corak berfikir tentang masyarakat.
- B. Teori sosial dalam Sosiologi dan Antropologi bermaksud satu set andaian yang membentuk cara/corak berfikir tentang masyarakat.
- C. Kaedah saintifik adalah satu set andaian yang membentuk cara/corak berfikir tentang masyarakat.
- D. Rangka Konsepsi adalah satu set andaian yang membentuk cara/corak berfikir tentang masyarakat.
- E. Data empirikal adalah satu set andaian yang membentuk cara/corak berfikir tentang masyarakat.

22. Teori struktural-fungsional berpendekatan organik mengkonsepsikan masyarakat sebagai:
- A. Bersepadu melalui institusi undang-undang, perhubungan kontrak dan perdagangan yang saling bergantung di dalam satu sistem bertimbal balik.
 - B. Suatu fenomena yang hidup yang terkawal oleh hukum alam semula jadi.
 - C. Unit kecil yang bersekumpulan atas sebab keperluan asas.
 - D. Himpunan individu yang bertindak dan berinteraksi atas peraturan yang dipersetujui ramai.
 - E. Gabungan interaksi antara organ yang bertindak secara bersendirian tetapi saling berfungsi dan bertindak balas dalam satu aturan yang bersepadu.
23. _____ mengandaikan struktur sebagai sesuatu yang bebas dari tindakan individu.
- A. Paradigma tingkah laku
 - B. Paradigma konflik
 - C. Paradigma fungsional
 - D. B dan C
 - E. A dan B
24. _____ memberi tafsiran tentang kehidupan dan pemikiran sosial sebagai berada dalam keadaan yang sentiasa berubah kesan dari desakan persaingan antara kumpulan berkepentingan.
- A. Paradigma konflik Marx
 - B. Paradigma interaksi simbolik
 - C. Teori pertukaran sosial
 - D. Pendekatan konflik (Dahrendorf)
 - E. Pendekatan konflik-radikal (Park)
25. Pendekatan _____ melihat sesuatu fenomena sosial secara menyeluruh bagi mendapat bayangan struktur secara generalisasi am.
- A. saintifik
 - B. deduktif
 - C. induktif
 - D. makroskopik
 - E. mikroskopik

26. _____ memperkenalkan konsep _____ kepada disiplin sosiologi dan antropologi sebagai satu kaedah saintifik bagi mengkaji dan menilai perubahan sosial dan budaya.
- A. Marx, dialektik
 - B. Weber, nilai
 - C. Durkheim, fakta sosial
 - D. Marx, kelas
 - E. Talcot Parson, tindakan sukarela
27. Paradigma fungsional beranggapan bahawa masyarakat ialah satu fenomena yang tertutup (bounded) dan di dalamnya terdapat proses-proses tertentu yang beroperasi untuk mencapai keadaan _____.
- A. sistematik
 - B. sistemik
 - C. homeostasis
 - D. positif
 - E. evolusi
28. Paradigma alternatif kepada paradigma fungsional struktur yang muncul dalam tahun 1950an dan 1960an ialah paradigma _____.
- A. strukturalisme
 - B. konflik sosial dan sosialisasi linear
 - C. bandingan dan mutlak
 - D. Tingkah laku sosial dan konflik sosial
 - E. fungsionalisme tidak berstruktur dan 'behaviouralism' antagonistik
29. _____ ialah alasan sistematik yang logikal dan boleh dinilai secara kaedah kuantitatif.
- A. Tafsiran
 - B. Soal selidik
 - C. Rasionalisasi
 - D. Analisis
 - E. Temu bual

30. Semua paradigma sosial moden mengandaikan bahawa _____ adalah asas yang mendirikan masyarakat manusia.
- A. organisasi mutlak
 - B. jalinan empirikal
 - C. kewibawaan
 - D. struktur sosial
 - E. struktur agong
31. Teori struktur-fungsi (parson) bermula dengan andaian masyarakat adalah _____ bertujuan untuk berfungsi bagi menjamin penerusan pola.
- A. sistem yang bertindak hidup
 - B. sistem organik
 - C. sistem yang bertimbal-balik secara sistemik
 - D. B dan C
 - E. A dan B
32. Antara peneroka awal di dalam era sosiologi dan antropologi klasik yang menggunakan konsep “fungsional” ialah:
- A. E. Durkheim
 - B. Spencer
 - C. Aguste Comte
 - D. A dan C
 - E. A, B dan C
33. Sumbangan utama Max Weber kepada sosiologi dan antropologi moden ialah:
- A. Pembahagian bidang kajian sosial kepada dua bahagian, iaitu “social statics” dan “social dynamics”.
 - B. Konsep tingkah laku dan interaksi.
 - C. Kaedah saintifik di dalam mengkaji “makna” gerak laku manusia di dalam konteks sesebuah masyarakat.
 - D. B dan C
 - E. A dan C

34. Siapa di antara mereka di bawah yang membincangkan tentang struktur masyarakat sebagai fakta sosial yang wujud bebas dari tingkah laku individu?
- A. Peter Blau dan G. Homan
 - B. J.H. Mead dan Blumer
 - C. Marx dan Durkheim
 - D. Dahrendorf dan Robert Park
 - E. Max Weber dan Ibn Khaldun
35. Mead mengasaskan paradigma interaksi simbolik sosial moden dengan saranan dan pengkaedahan beliau dengan mengambil kira:
- A. Makna di dalam perhubungan sebagai asas struktur sosial sesuatu masyarakat.
 - B. Kepatuhan individu-individu kepada peranan yang ditetapkan oleh norma-norma masyarakat.
 - C. Makna-makna subjektif yang mengesahkan tingkah laku interaksi individu di dalam sesuatu masyarakat sebagai punca wujudnya struktur sosial.
 - D. A dan C.
 - E. A, B dan C.
36. Usul bahawa di dalam sesebuah masyarakat satu mekanisme akan wujud supaya ahli-ahlinya dapat diagihkan kepada kedudukan sosial yang tertentu dengan tugas-tugas mengikut peranan yang ditetapkan dipelopori oleh:
- A. Marx R. Dahrendorf
 - B. Talcot Parson
 - C. Lewis Coser
 - D. A dan C
 - E. B dan C
37. Mengikut paradigma konflik-radikal, masyarakat:
- A. Mengandungi interaksi di antara kelas-kelas ekonomi, organisasi-organisasi dan golongan-golongan yang bersifat antagonistik berasaskan kelas, kepentingan-kepentingan dan nilai-nilai yang berbeza terhadap kekayaan, prestij dan kuasa.
 - B. Merupakan organisme berkecenderungan ke arah homeostasis, kerana persaingan keperluan-keperluan asas dan fungsi bahagian-bahagian tertentu.
 - C. Ialah sistem yang boleh difahami dan yang saling berhubungan di antara bahagian-bahagian yang terdapat di dalamnya.
 - D. Terdiri di atas kelas-kelas yang berkonflik.
 - E. A dan D.

38. Perubahan sosial masyarakat barat mengikut anggapan paradigma tingkah laku:
- A. Berpunca dari perkembangan aturan sosial baru berasaskan kerasionalan.
 - B. Digerakkan kegiatan kepimpinan yang berwibawa yang memajukan nilai baru yang lebih bermakna.
 - C. Adalah sesuatu yang tabii (natural) di dalam bagi semua masyarakat manusia.
 - D. A dan B.
 - E. B dan C.
39. Antara konsep-konsep penting sumbangan Max Weber kepada paradigma sosial moden ialah:
- A. Tingkah laku sosial.
 - B. Struktur interaksi.
 - C. Makna subjektif di dalam hubungan antara individu.
 - D. Pengetahuan dan makna subjektif.
 - E. Semua di atas.
40. Antara konsep sumbangan Durkheim yang digunakan di dalam teori sosiologi dan antropologi moden ialah:
- A. Keseimbangan dan struktur sosial.
 - B. Anomie, norma-norma dan fungsi.
 - C. Nilai dan penyelewengan (devian).
 - D. B dan C.
 - E. Semua di atas.
41. Andaian sosiologi dan antropologi moden berbeza dari andaian teori-teori sosial klasik dalam hal berikut:
- A. Sosiologi moden lebih menekankan aspek tindakan sukarela (volunteerism) dalam tindakan sosial.
 - B. Sosiologi dan antropologi moden menganggap perubahan sebagai proses yang terkawal oleh hukum yang universal.
 - C. Sosiologi moden memberi tekanan yang lebih pada individu atau kumpulan sebagai agen yang berkemampuan untuk mengarah perjalanan masyarakat.
 - D. A dan B betul.
 - E. A, B dan C betul.

42. Sungguhpun paradigma-paradigma sosial moden timbul dari punca dan pedoman yang sama dalam falsafah sosial dan pemikiran sosial awal Barat, terdapat perbezaan dalam aspek berikut:
- A. Tahap analisa: iaitu pendekatan atau perspektif mikroskopik dan makroskopik.
 - B. Pendekatan atau model masyarakat berbentuk sama ada naturalistik (organik) atau sistemik.
 - C. Fokus: sama ada terhadap struktur atau proses.
 - D. Kaedah: kuantitatif dan positif.
 - E. Semua di atas
43. Pendekatan interaksi simbolik oleh G.H. Mead menegaskan bahawa:
- A. struktur sosial terukir kekal dalam tempoh masa di mana tindakan yang bermakna diterima dan diperlakukan secara sedar dan dipersetujui ramai dan tindakan ini diterima dan diulang sebagai tindakan yang bererti.
 - B. Institusi masyarakat sentiasa berada dalam keadaan “cair” (fluid) atau terus berubah kerana makna pada tindakan sentiasa diperbaharui oleh manusia yang kreatif.
 - C. Manusia, berbeza dari haiwan, sedar akan erti dan hasil tindakan mereka’ justru membolehkan manusia memilih tindakan yang sesuai bagi segala suasana interaksi.
 - D. A dan B betul.
 - E. A, B dan C betul.
44. Dalam beberapa hal, paradigma konflik dan paradigma fungsional sama mendekati analisa sosial kerana keduanya berpandukan soalan berikut:
- A. Apakah perhubungan di antara nilai-nilai dan institusi sosial?
 - B. Bagaimanakah institusi-institusi sosial dihubungkan dan bagaimanakah institusi ini saling mempengaruhi?
 - C. Apakah asas pada struktur sosial yang menjenterakan masyarakat ke arah matlamat tertentu?
 - D. A dan B
 - E. A, B dan C

45. Paradigma konflik bukan radikal bermula dengan andaian bahawa:
- A. Masyarakat sentiasa dalam proses perubahan.
 - B. Struktur masyarakat terdiri di atas bahagian yang sentiasa saling bertentangan dan konflik dan proses penyelesaian konflik dan ketegangan merupakan pemangkin perubahan.
 - C. Konflik berpunca dari perbezaan kepentingan.
 - D. Kesepaduan struktur adalah hasil dari persetujuan antara bahagian yang berkonflik.
 - E. Semua di atas betul.
46. Pendekatan Durkheim yang dikatakan bersifat sistemik (yang menjadi asas pada perkembangan paradigma sosial moden) adalah sama juga dengan pendekatan F.Tonnies kerana keduanya:
- A. Menganggap masyarakat sebagai satu organisme yang berinteraksi dan bergantung kepada pembahagian kerja serta perhubungan dan kehendak serta norma-norma sosial.
 - B. Memperkenalkan konsep keseimbangan (equilibrium) sebagai sesuatu yang diwujudkan oleh kesepaduan fungsi semua bahagian dalam satu sistem.
 - C. Meletakkan asas norma dan nilai masyarakat sebagai kemahuan sosial (social will) dan dihayati sebagai satu kesedaran kolektif.
 - D. A dan B.
 - E. A, B dan C.
47. Mengikut George C. Homans:
- A. Manusia adalah makhluk rasional dan “berkira” (calculating).
 - B. Manusia berhubung semata-mata untuk mendapat kepuasan jasmani.
 - C. Manusia tidak boleh wujud dan terlepas dari peraturan yang ditentukan oleh masyarakat.
 - D. A dan B
 - E. A, B dan C
48. Pemikiran sosiologi moden beralih dari pemikiran sosial klasik berlandaskan anggapan bahawa:
- A. Segala yang sosial semestinya berubah ke arah suasana yang lebih baik.
 - B. Manusia berkemampuan mengujudkan sistem sosial yang menjamin kebajikan.
 - C. Masyarakat sebagai objek kajian dan terbandung dalam satu sistem yang berstruktur yang ditentukan oleh hukum-hukum dan proses-proses sosial yang boleh dikenal pasti secara logik dan rasional.
 - D. Masyarakat adalah satu kenyataan yang boleh dikaji sebagai satu negeri atau budaya.
 - E. Masyarakat adalah satu abstraksi yang hanya dicipta oleh ahli-ahli sosiologi.

49. Satu kenyataan di bawah **tidak** merupakan andaian paradigma fungsional.
- A. Realiti sosial dipandang sebagai satu sistem.
 - B. Masyarakat ialah kumpulan manusia yang berinteraksi antara satu sama lain berdasarkan makna-makna simbolik.
 - C. Proses-proses sesuatu sistem saling berhubung di antara bahagian-bahagian yang terdapat di dalamnya.
 - D. Masyarakat ialah suatu sistem yang tertutup (bounded) di mana proses-proses tertentu beroperasi untuk mengekalkan integrasi dan sempadan-sempadannya.
 - E. A dan D
50. Pilih satu pernyataan **yang bukan** andaian paradigma konflik.
- A. Di dalam semua sistem sosial akan terdapat ketidaksamaan di dalam pembahagian atau pengagihan sumber terhad.
 - B. Konflik ialah asas perubahan masyarakat dan ianya akan wujud secara universal di mana-mana dan pada bila-bila masa.
 - C. Ketidaksamaan adalah satu kenyataan sosial yang membangkitkan konflik kepentingan di antara unit-unit di dalam sesuatu sistem.
 - D. Masyarakat terdiri dari individu-individu yang memanipulasi simbol-simbol dan menimbulkan kontradiksi makna-makna yang mengasaskan konflik dan perubahan sosial.
 - E. A dan D
51. Pendekatan “tingkah laku sosial” (social behaviorism) berasaskan empat andaian utama. Pilih **satu** dari andaian berikut yang **tidak** tergolong di dalam andaian pendekatan ini:
- A. Realiti yang dirasakan, diketahui dan difahami oleh tiap-tiap ahli masyarakat ialah hasil dari pengalaman interaksi sosial.
 - B. Realiti sosial ialah objek-objek sosial yang telah diberi erti tertentu akibat dari tingkah laku orang ke atas objek tersebut.
 - C. Manusia mempunyai keupayaan di dalam menjalankan tingkah laku secara “self-reflective” (nilai sendiri).
 - D. Interaksi wujud akibat dari manipulasi simbol-simbol, ertinya individu di dalam masyarakat adalah anggota-anggota yang “creative” atau mempunyai “mind” (fikiran) sendiri.
 - E. Individu-individu di dalam sesuatu masyarakat akan patuh kepada peraturan dan norma sosial yang diserapi melalui sosialisasi.

52. Pilih **satu** andaian yang **tidak** tergolong di dalam andaian-andaian teori tukaran sosial (social exchange theory).
- A. Manusia adalah rasional.
 - B. Tingkah laku manusia di dalam masyarakat berasaskan kiraan keuntungan.
 - C. Manusia berinteraksi di dalam keadaan yang sentiasa sedar tentang untung rugi kelakuan mereka.
 - D. Manusia bertindak secara berkumpulan untuk mengujudkan pakatan yang bermakna dalam memperjuangkan kepentingan masing-masing.
 - E. Manusia adalah makhluk sosial yang tidak boleh wujud bersendirian tanpa perhubungan sosial.
53. Konsep yang **bukan** dari paradigma konflik ialah:
- A. Lapisan atau strata.
 - B. Penyelewengan pengeluaran.
 - C. Pembahagian buruh (division of labour).
 - D. Semangat kapitalisme (spirit of capitalism).
 - E. Semua di atas.
54. Siapakah di antara mereka di bawah ini yang **bukan** dari golongan ahli-ahli teori tingkah laku?
- A. Max Weber
 - B. G.H. Mead
 - C. H. Blummer
 - D. Peter Blau
 - E. B dan D
55. Siapakah di antara mereka di bawah yang **tidak** tergolong sebagai ahli teori struktur-fungsi.?
- A. Radcliffe-Brown
 - B. Malinowski
 - C. Talcot Parson
 - D. Robert Merton
 - E. R. Dahrendorf

56. Dasar epistemologi atau punca pengetahuan yang **tidak** diterima sebagai maklumat yang sah dalam pembentukan teori-teori sosial moden:
- A. Revalasi (wahyu).
 - B. Intuisi (gerak hati).
 - C. Empirisme.
 - D. Rasionalisme (induksi dan deduksi).
 - E. A dan B
57. Apakah isu sosial yang **tidak** menjadi persoalan asas di dalam perkembangan teori sosial moden?
- A. Pengenalan faktor yang mempengaruhi perubahan sosial.
 - B. Pengkaedahan saintifik dan objektif untuk mencari teori dan hukum yang boleh menerang semua fenomena sosial.
 - C. Pengenalan jenis dan tahap pergolakan, struktur dan organisasi masyarakat.
 - D. Dasar dan skema perancangan yang sesuai untuk memastikan perubahan masyarakat ke arah suasana positif.
 - E. Semua di atas.
58. Pilih satu yang **tidak** selaras dengan penjelasan “naturalistik”.
- A. Menggunakan angkubah kajihayat dan semulajadi.
 - B. Menggunakan konsep “naluri” kajihayat.
 - C. Menegaskan tentang “pembahagian kerja” (division of labour).
 - D. Menegaskan perhubungan norma dan kehendak sosial sebagai naluri asli (social will).
 - E. C dan D.
59. Pilih satu yang **bukan** penjelasan “sistemik”.
- A. Menggunakan angkubah kajihayat dan semulajadi.
 - B. Mengguna konsep keseimbangan sebagai sesuatu keadaan semula jadi (natural)
 - C. Semua bahagian berfungsi secara timbal balik untuk mencapai keseimbangan.
 - D. A dan B
 - E. B dan C.

60. Pilih satu andaian yang **bukan tergulung** sebagai andaian paradigma tingkahlaku.
- A. Individu adalah hasil dari masyarakat
 - B. Kehendak (wish) dan naluri (instinct) dianggap penting di dalam penjelasan fenomena sosial.
 - C. Masyarakat terdiri di atas jalinan hubungan sosial.
 - D. Proses sosialisasi penting di dalam penjelasan dan pembentukan makna yang mengasaskan pertalian sosial.
 - E. A dan B.
61. Pilih satu pernyataan yang **tidak benar**.
- A. Di dalam perkembangan sosiologi di Amerika selepas Perang Dunia Kedua, sosiologi klasik (Eropah) merupakan pengaruh asas dalam pembangunan paradigma baru seperti fungsionalisme dan konflik.
 - B. Teori sosiologikal boleh dipandang sebagai satu cabang ilmu yang mengandungi beberapa paradigma untuk mengkonsep-sualisasi susunan dan perubahan sosial melalui bentuk penjelasan “naturalistik” dan sistemik.
 - C. Menurut Swingewood (1984:2) sosiologi klasik adalah “pesimistik”.
 - D. Paradigma-paradigma sosial moden yang ada sekarang mampu menerang segala yang berkaitan dengan manusia dan masyarakat.
 - E. B dan C.
62. Marx **tidak** mengatakan:
- A. Pengkelasan kelas sosial berdasarkan pemilikan alat-alat pengeluaran.
 - B. Perubahan masyarakat berlaku secara bertahap-tahap berasaskan dialektik materialisme.
 - C. Organisasi moden memerlukan kewibawaan karismatik untuk mengekalkan sistem kerasionalan dan kecekapan proses pengeluaran.
 - D. A dan B
 - E. Semua di atas

Bagi soalan 63 - 67, padankan pernyataan dengan konsep yang sesuai (A - E) di dalam kotak.

63. Satu pernyataan atau peraturan mengenai hubungan di antara fenomena yang diketahui sebagai satu yang tidak berubah di bawah keadaan yang ditetapkan.
64. Satu pernyataan yang dipengaruhi oleh persepsi dan pandangan pengkaji dan dianggap tanda kelemahan data.
65. Ia menghadkan pengertian dan mengemukakan satu set andaian asas sama ada secara terbuka atau tersembunyi yang berkait dengan perkara yang dikaji serta orientasi yang diambil di dalam kajian.
66. Suatu pernyataan yang menyatakan arah perubahan di dalam satu konsep tertentu menyebabkan (membawa kepada, mendorong, menghasilkan) satu arah perubahan di dalam konsep yang lain.
67. Langkah penyelidikan yang melibatkan klasifikasi, penjadualan dan perbandingan.

- | |
|---|
| <ol style="list-style-type: none">A. Hukum SaintifikB. Skema konseptualC. InterpretasiD. Hubungan sebab akibat (causal)E. Analisis data |
|---|

68. Mengikut semua aliran pemikiran sosial kontemporari , penjelasan dalam teori sosial moden adalah terlalu am, abstrak , tidak “berperasaan” dan terperangkap dalam kepalsuan berpunca :
 - A. Daripada kelemahan kaedah positivisme yang dimasukkan kedalam disiplin ini oleh pemikir awal seperti Comte dan Durkheim.
 - B. Kesilapan falsafah yang telah dilakukan oleh ahli sosiologi awal seperti Marx.
 - C. Desakan pasca-industri.
 - D. Penyerapan unsur pasca-moden.
 - E. Ketiadaan ideologi yang disokong oleh sifat madani.

69. Pemikiran bercorak “pasca-modernisme” mengalir masuk ke dalam Sosiologi and Antropologi dari bidang :
- A. Falsafah Sosial yang mengarahkan penelitian untuk menemui sosiologi dan antropologi dengan ilmu etika dan moral.
 - B. Kesusasteraan dan Seni Lukis sebagai alternatif bagi mempertingkatkan sosiologi dan antropologi sebagai satu “seni” (arts) dan bukan sebagai disiplin “sains”.
 - C. Kejuruteraan balistik dan ‘cybernetics’ dengan memberi makna baru pada masyarakat sebagai jalinan komunikasi antara maya dan nyata.
 - D. A dan B.
 - E. A, B dan C.
70. Sungguhpun terdapat perbezaan dalam andaian antara semua teori sosial moden, namun semua paradigma sosial berasaskan atas pendapat bahawa:
- A. Segala fenomena sosial boleh dijelaskan melalui sains.
 - B. Semua fenomena sosial tidak boleh dijelaskan dengan menggunakan kaedah sains
 - C. Penjelasan tentang hal sosial mesti mengambil kira unsur manusia dan jawapan pada persoalan sosial tidak ada pada sains tulen.
 - D. Pergantungan pada sains sebagai penjelasan mutlak adalah kesilapan yang telah menjanakan naratif perdana yang membuntukan daya kreatif manusia.
 - E. Semua di atas.
71. Pilih pernyataan yang bercanggah dengan kaedah fenomenologi/tafsir (interpretative):
- A. Teori sosial dan kaedah penyelidikan sosial yang terdapat dalam sosiologi dan antropologi sekarang adalah universal dan mampu menjelas dan menerangkan semua aktiviti sosial semua masyarakat diperingkat makroskopik dan juga mikroskopik.
 - B. Semua hubungan antara manusia diperantarakan oleh makna yang berlapis mengikut struktur dan aturan .
 - C. Tafsiran adalah satu kaedah saintifik yang boleh dipelajari dan diajar.
 - D. A dan B.
 - E. A, B dan C.

72. _____ mengandaikan hubungan di antara fakta sosial adalah tersusun dan boleh diberi nilai secara objektif dan rasional.
- A. Pendekatan positif
 - B. Paradigma struktural
 - C. Pendekatan interpretatif
 - D. B dan C
 - E. A dan B
73. Aliran _____ bermula sebagai “Sekolah Frankfurt” yang mengkaji kaitan antara ideologi dan teori sosial:
- A. Pasca Moden
 - B. Hermeneutik
 - C. Teori kritis
 - D. Marxist Radikal
 - E. Eksistensial
74. Bagi Kaedah _____, segala aktiviti sosial dan tingkah laku manusia dalam masyarakat adalah tindakan yang berpunca dari tafsiran makna yang tersusun dalam bendungan budaya dan lapisan makna hanya boleh difahami oleh ahli dalam kolompok budaya yang berkenaan.
- A. Fenomenologi
 - B. Organik-struktur-fungsional
 - C. Hermeneutika
 - D. Pasca-moden
 - E. Simbolik
75. _____ menganggap bahawa struktur sosial adalah suatu realiti yang bebas dari konteks sejarah dan budaya dan oleh itu segala yang berkaitan dengan “sosial” dan penerusannya adalah dikawal oleh hukum-hukum yang universal yang di luar kemampuan dan tindakan individu.atau kelompok.
- A. Marx
 - B. Weber
 - C. Durkheim
 - D. A dan C
 - E. Semua di atas

76. _____ memberi tafsiran tentang kehidupan dan pemikiran sosial bagi semua masyarakat sebagai berada dalam keadaan yang sentiasa berubah ke arah modenisasi dan kemadaniaan (civility):
- A. Karl Marx
 - B. Weber
 - C. Durkheim
 - D. Spencer
 - E. Semua di atas
77. Salah satu kritikan penting terhadap teori moden dan klasik ialah bahawa:
- A. Semua teori sosial melihat sesuatu fenomena sosial secara menyeluruh bagi mendapat bayangan struktur secara generalisasi am.
 - B. Teori sosial yang muncul dalam sejak abad ke 19 hingga ke pertengahan abad 20 telah terbeku dalam satu anggapan bahawa segala yang sosial boleh dijelaskan dengan konsep dan kaedah dari sains tulen.
 - C. Teori sosial klasik dan moden tidak berdaya menangani unsur kerelatifan dalam budaya dan konteks sejarah yang menentukan makna dan emosi yang berbagai dalam perilaku manusia bermasyarakat.
 - D. Semua teori sosial yang ada sekarang terperangkap dalam analisa yang subjektif dan terperangkap dalam emosi yang sama ada berunsur nostalgia atau romantis.
 - E. Semua di atas betul
78. Konsep “moden” dan “pemodenan” dalam penggunaan teori sosiologi dan antropologi merupakan:
- A. Suatu kaedah saintifik bagi menilai dan mengukur perubahan sosial dan budaya.
 - B. Himpunan ciri-ciri sosial yang tertentu yang telah dicapai oleh masyarakat barat melalui proses perubahan sosial yang berteraskan kerasionalan yang mutlak.
 - C. Matlamat yang ditujui oleh semua masyarakat melalui proses evolusi sosial.
 - D. A dan C.
 - E. B dan C.

79. Aliran _____ beranggapan bahawa masyarakat ialah satu fenomena yang nyata (real) dan di dalamnya terdapat proses-proses tertentu yang beroperasi untuk mencapai keadaan keseimbangan .
- A. Pasca-modernisme
 - B. Fungsional
 - C. Strukturalis
 - D. Positif
 - E. Evolusi
80. Perspektif _____ saranan _____ memberi penekanan pada tingkah laku individu sebagai tindakan yang berasaskan tafsirannya tentang makna tingkah laku individu merupakan percubaan awal dalam sosiologi untuk berpisah dari sangkar sains tulen dengan memberikan manusia taraf sebagai makhluk yang berdaya kreatif dan mampu bertindak dalam konteks dan suasana interaksi yang kompleks.
- A. interaksi tingkah laku, Shultz
 - B. tindakan bermakna, Max Weber
 - C. interaksi simbolik, H. Blumer
 - D. pertukaran sosial, G. Homan
 - E. interaksi konflik, Dahrendorf
81. Aliran pemikiran alternatif kepada paradigma fungsional struktur yang muncul dalam tahun 1950an dan 1960an :
- A. Merujuk semula kepada falsafah untuk mendapatkan pedoman baru dalam pembentukan teori.
 - B. Menyoal kedayaan ilmu dari sains tulen dalam menerang dan mengujudkan badan teori sosial yang menyeluruh dan universal.
 - C. Mempersoalkan tradisi falsafah positivisme kerana tidak menepati kenyataan sosial.
 - D. B dan C
 - E. A, B dan C
82. Max Weber patut dianggap sebagai peneroka teori sosial yang teragung kerana beliau
- A. Menyaran bahawa sosiologi perlu mengujudkan suatu teori yang tersendiri yang bebas dari konsep yang dipinjam sains.
 - B. Memulakan pandangan tentang manusia dan masyarakat sebagai berbeza dari semua fenomena alam kerana kemampuan manusia berfikir berdaya kreatif, beremosi dan bedaya mengubah dan berubah.
 - C. Cuba menangani unsur subjektif yang nyata dalam tabiat manusia dalam kaedah dan analisa .
 - D. A dan B.
 - E. A, B dan C.

83. Pada dasarnya sosiologi dan antropologi moden dianggap sains kerana mendukung kaedah pengmakluman yang berdasarkan falsafah _____ yang mengandaikan bahawa jawapan pada semua soalan tentang kejadian alam termasuk masyarakat memang wujud dan akan ditemui dengan kaedah yang sesuai.
- A. saintifik
 - B. rasional
 - C. empirisis
 - D. teoritis
 - E. positivisme
84. Antara peneroka awal Aliran “Critical Theory” di dalam sosiologi dan antropologi ialah:
- A. Gurgen Homan
 - B. Gurgen Harmermas
 - C. Aguste Comte
 - D. Karl Marx
 - E. Max Weber.
85. Antara perkara penting yang telah menyebabkan kebuntuan dalam perkembangan teori sosial yang betul berwibawa:
- A. Kecenderungan ahli sosiologi menganalisis masyarakat dengan menggunakan konsep “natural selection” dari Darwin untuk menerangkan struktur masyarakat
 - B. Adunan pendekatan positivisme dengan evolusi
 - C. Menggunakan analogi organik dan sistemik
 - D. Kebelengguan ahli sosiologi dengan konsep- konsep sains yang membutakan mata mereka dari hakikat manusia dan kemanusiaan.
 - E. Semua di atas
86. Aliran Pasca- modenisme dalam sosiologi dan antropologi berasaskan anggapan:
- A. Masyarakat adalah satu abstraksi yang menggabungkan “makna” yang berbagai dan berlapis yang wujud bebas dari tindakan individu tetapi berkemampuan mengawal dan menentukan pergerakan manusia berdasarkan interpretasi manusia sendiri tentang apa yang memberi “kepuasan” kepada mereka.
 - B. Sifat organik masyarakat berdasarkan struktur yang saling bergantung antara bahagian yang berfungsi sebagai pemberi makna di dalam perhubungan antara individu dan struktur sosial sesuatu masyarakat.
 - C. Makna-makna subjektif yang mengesahkan tingkah laku interaksi individu di dalam sesuatu masyarakat adalah asas corak pemikiran di dalam sesuatu masyarakat yang akan membawa semua masyarakat keamanan dan kesamarataan.
 - D. A dan C.
 - E. Semua di atas

87. Mengikuti Aliran “Teori Kritikal” (Critical Theory):

- A. Masyarakat terdiri antara kelas-kelas ekonomi, organisasi-organisasi dan golongan-golongan yang bersifat antagonistik berasaskan kepentingan-kepentingan dan nilai-nilai yang berbeza terhadap kekayaan, prestij dan kuasa.
- B. Masyarakat merupakan organisme berkecenderungan ke arah hegemoni, kerana persaingan keperluan-keperluan asas dan fungsi bahagian-bahagian tertentu.
- C. Masyarakat ialah suatu fenomena yang nyata yang wujud di atas struktur yang berpotensi untuk mencapai keharmonian dan pembebasan dari cengkaman dan deraan yang berpunca dari ideologi (dan budaya) yang mengganas, tetapi potensi ini dipudarkan oleh suatu tenaga dan kuasa yang mengawal dan bertindak melalui sistem komunikasi yang mengawal tafsiran maklumat melalui jalinan komunikasi yang berbagai yang sekarang ini berupa komputer dan media elektronik .
- D. Masyarakat terdiri atas kelompok yang mengawal maklumat dan menguasai segala unsur penyebaran maklumat dan menentukan masyarakat mana dan siapa yang patut hidup dan mati, bahagia atau duka dan masyarakat mana yang boleh berkembang dan yang mana yang patut mundur dan budaya mana yang patut diagungkan.
- E. C dan D.

88. Dalam kaedah interpretatif (tafsiran) berasaskan andaian teoritis berikut:

- A. Makna adalah suatu keadaan yang berfungsi untuk mengujudkan kestabilan.
- B. Semua tingkah laku manusia dalam sesuatu masyarakat adalah tindakan yang dilaksanakan berlandaskan tafsiran makna yang dianggap bersesuaian dan berkenaan dengan kehendak konteks (masa dan tempat) dan makna yang dijanakan dalam sesuatu situasi adalah benar (sah) dan boleh dianggap peraturan hanya dalam konteks masa dan tempat yang berkenaan.
- C. Semua individu dalam semua masyarakat adalah bebas menjanakan makna melalui tafsiran dan gabungan ‘ilmu’ yang muncul dari tafsiran ini ditentukan dikawal kuasa yang di luar individu .
- D. A dan C.
- E. Semua di atas.

89. Pendekatan interpretative (tafsiran) mengandaikan bahawa:

- A. Manusia bertingkah laku berasaskan kefahaman
- B. Makna timbul dari interpretasi dan kefahaman dalam interaksi sosial
- C. Kefahaman makna memandu tingkah laku sosial melalui proses interpretasi
- D. Makna muncul dari kefahaman yang berpunca daripada tafsiran suasana (konteks), budaya dan masa.
- E. Semua di atas

90. Andaian teori sosial klasik dan moden yang dianggap sebagai tidak menepati keadaan sebenar dan telah menjadi pembuntu dalam kefahaman fenomena sosial sebenar berpunca dari anggapan (oleh ahli teori klasik dan moden) bahawa :
- A. Segala yang sosial semestinya berubah ke arah suasana yang lebih baik.
 - B. Manusia berkemampuan mengwujudkan sistem sosial yang menjamin kebajikan
 - C. Masyarakat sebagai objek kajian yang terbandung dalam satu sistem yang berstruktur yang ditentukan oleh hukum-hukum dan proses sosial yang boleh dikenal pasti secara logik dan rasional
 - D. Masyarakat adalah satu kenyataan yang boleh dikaji secara objektif dan boleh dinilai dan diramal melalui pendekatan empirikal .
 - E. Semua di atas
91. Perkembangan teori sosial di Amerika :
- A. Dipengaruhi secara langsung oleh sosiologi klasik Perancis Jerman dan England.
 - B. Dusahakan oleh ahli antropologi dan sosiologi dari England dan Eropah yang berhijrah selepas perang dunia kedua.
 - C. Akibat dari revolusi Perancis.
 - D. A dan B.
 - E. B dan C.
92. Generalisasi Empirikal ialah:
- A. Suatu usul umum yang diterima ramai tanpa soalan.
 - B. Hukum yang diguna secara rasmi oleh semua pengkaji sosial
 - C. Pernyataan yang ringkas menghuraikan di antara dua atau lebih angkubah dalam sesuatu masa dan tempat tertentu.
 - D. Satu pernyataan atau peraturan mengenai hubungan di antara fenomena yang diketahui sebagai suatu yang tidak berubah di bawah keadaan yang ditetapkan.
 - E. Pernyataan umum tentang sesuatu fenomena yang berteraskan bukti yang di petik dari pengkaji yang diiktirafkan oleh mana badan pengajian tinggi.
93. Pememikiran fungsional berasal dari aliran:
- A. Pemikiran konservatif pasca revolusi Perancis.
 - B. Pemikiran radikal pasca revolusi Perancis.
 - C. Pemikiran agama (Kristian) yang timbul semasa revolusi Perancis.
 - D. A dan C.
 - E. B dan C.

94. kaedah saintifik di dalam mengkaji “makna” gerak-laku manusia di dalam konteks sesebuah masyarakat adalah sumbangan utama _____ dalam pembentukan salah satu paradigma sosial.
- A. Max Weber
 - B. Karl Marx
 - C. Talcot Parson
 - D. Ibn Khaldun
 - E. Radcliffe-Brown
95. Teori Struktural-Fungsional diperkembangkan di Amerika oleh :
- A. Max Weber
 - B. Karl Marx
 - C. Talcot Parson
 - D. Ibn Khaldun
 - E. G.H.Mead
96. Buku *Economy and Soceity* ditulis oleh :
- A. Max Weber
 - B. Karl Marx
 - C. Talcot Parson
 - D. Ibn Khaldun
 - E. Thomas Kuhn
97. Buku *Mukadimah* ditulis oleh :
- A. Max Weber
 - B. Karl Marx
 - C. Talcot Parson
 - D. Ibn Khaldun
 - E. Thomas Kuhn
98. Buku *The Structure of Scientific Revolutions* ditulis oleh:
- A. Max Weber
 - B. Karl Marx
 - C. Talcot Parson
 - D. Ibn Khaldun
 - E. Thomas Kuhn

99. Antara konsep penting yang disumbang oleh Marx dalam pembentukan paradigma sosial.
- A. Kelas dan ketidaksamaan
 - B. Alienasi dan peminggiran
 - C. Keseimbangan dan peranan
 - D. A dan B
 - E. B dan C
100. Antara konsep penting yang disumbangkan oleh Durkheim dalam pembentukan paradigma sosial:
- A. Kelas dan ketidaksamaan
 - B. Alienasi dan peminggiran
 - C. Keseimbangan dan peranan
 - D. A dan B
 - E. B dan C

BAHAGIAN B (20 markah)

Jawab 1 (satu) soalan sahaja. Tulis jawapan anda di ruang yang disediakan

2. Huraikan permasalahan falsafah dan kaedah yang dibangkitkan oleh

(a) Aliran Pasca-moden

Atau

(b) Teori Kritikal

(20 markah)

3. Jelaskan maksud “struktur sosial” mengikut konsepsi paradigma berikut:

(a) Fungsional dan tingkah laku

Atau

(b) Konflik dan tingkah laku

(20 markah)

4. “Semua teori sosial moden yang ada sekarang yang berpedomankan kaedah empirikal dan saintifik, berupaya menjelaskan semua fenomena sosial”. Bincangkan pernyataan ini mengikut perspektif aliran Pasca-Moden atau Teori Kritis.

(20 markah)

